

08 APR 1999

Parlimen-Bahas

DAP CADANG SISTEM PENGGILIRAN KETUA MENTERI SABAH DITERUSKAN

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- DAP mencadangkan agar sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah yang diperkenalkan oleh Barisan Nasional selepas pilihan raya negeri 1994 diteruskan bagi membuktikan ia sentiasa berpegang pada janjinya.

Lim Kit Siang (DAP-Tanjung) berkata beliau amat rungsing setelah mendengar kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini yang menyebut BN sanggup mengkaji semula sistem penggiliran itu sekiranya majoriti rakyat Sabah berpendapat bahawa ia tidak harus diteruskan.

"BN tidak seharusnya menghentikan sistem penggiliran ini kerana tindakan itu akan dilihat oleh rakyat Sabah bahawa BN telah memungkiri janji dan pecah amanah," katanya semasa membahaskan usul terima kasih atas titah ucapan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat, di sini hari ini.

Lim yang juga setiausaha agung DAP berkata bahawa selepas memenangi 31 daripada 48 kerusi pada pilihan raya Sabah 12 dan 13 Mac lepas, BN seharusnya memikirkan strategi bagi memenangi kembali hati kaum Kadazandusun.

Ini kerana calon BN kalah di hampir kesemua kawasan pilihan raya yang bermajoritikan kaum itu, katanya.

Lim juga meminta BN tidak mengambil tindakan balas dendam terhadap kaum Kadazandusun yang tidak menyokong calon-calon BN dalam pilihan raya negeri pada 12 dan 13 Mac lepas.

Mengenai penyakit Japanese Encephalitis (JE), beliau berkata Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng perlu memberi penjelasan sebenar mengenai jangkitan itu kepada orang ramai tanpa menyembunyikan sebarang fakta mengenai virus yang ditemui.

"Bencana virus ini paling buruk dalam sejarah negara sehingga meragut 90 nyawa, membinasakan kehidupan 300,000 orang yang terbabat dalam industri penternakan babi, memusnahkan RM2.5 bilion industri penternakan babi dan daging babi serta industri berkaitan seperti pemakanan haiwan, pengangkutan dan pelancongan, serta menggugat usaha pemulihan ekonomi negara," katanya.

Mengenai kertas putih status ekonomi Malaysia, Lim berkata ia tidak menggambarkan keadaan sebenar sebaliknya hanya membayangkan semua kesilapan dasar domestik.

Beliau berkata kadar faedah negara masih lebih tinggi berbanding dengan negara jiran manakala kadar pertukaran pula lemah, bekalan wang dan pertumbuhan pinjaman menurun sejak Ogos lepas.

Persidangan disambung Isnin ini.

-- BERNAMA

NY HS MAI